

41

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 23 OKTOBER 2017
SOALAN : 18

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) mengapa Pesakit Bayar Penuh (FPP) yang menjalani pembedahan pintasan jantung di hospital kerajaan dikenakan caj tambahan "prosedur kompleks" bila mana bayaran untuk prosedur kompleks telah pun ditetapkan tinggi; dan
- b) mengapakah pakar bius kardiotorasik di hospital Kerajaan bercadang untuk mengenakan bayaran untuk "cardiopulmonary bypass" bila mana prosedur ini dilakukan oleh pembantu perubatan terlatih khas semasa pembedahan jantung terbuka dan sama ada pakar bius Kerajaan menyalahgunakan skim pesakit bayar penuh (FPP).

Tuan Yang di-Pertua,

Pembedahan pintasan jantung ialah satu kaedah yang melibatkan pembedahan untuk memintas arteri jantung yang tersumbat. Dalam pembedahan ini, urat darah (vena) akan diambil daripada salah satu

bahagian tubuh (kebiasaannya di bahagian kaki) dan digunakan untuk memintas bahagian arteri yang sempit atau tersumbat pada permukaan jantung.

Apabila seseorang pesakit menjalani prosedur pintasan jantung, pakar bedah dan pakar anestesia masing-masing boleh mengenakan caj profesional ke atas prosedur pembedahan dan prosedur anestesia berdasarkan kepada Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007.

Walau bagaimanapun, surcaj sebanyak 30% daripada kadar fi bagi anestesia boleh dikenakan sekiranya pesakit didapati berisiko tinggi seperti pesakit yang mempunyai *co-morbidity* seperti diabetes dan hipertensi yang tidak terkawal serta kegagalan buah pinggang.

Tuan Yang di-Pertua,

Prosedur *cardiopulmonary bypass* (CPB) ini adalah komponen penting dalam pembedahan jantung terbuka yang melibatkan penyambungan *heart lung machine* kepada pesakit, di mana mesin berkaitan mengambil alih fungsi jantung dan paru-paru, sepanjang masa pembedahan.

Prosedur *CPB* di hospital KKM adalah di bawah pengawasan dan tanggungjawab Pakar Anestesia dan Perfusi Kardiorasik. Pegawai Perubatan Pakar ini telah dilatih dan ditauliahkan untuk mengendalikan dan membuat pertimbangan klinikal bagi prosedur tersebut. Pembantu Perubatan terlatih khas (perfusionis) merupakan operator atau pengendali *heart lung machine* tersebut. Perfusionis tidak bertugas